



**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA  
DAN TRANSFORMASI AIR**

**TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
TIMBALAN PERDANA MENTERI  
MERANGKAP  
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

**SEMPENA**

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG  
TAHUN 2023  
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

**6 OGOS 2024 (SELASA)**

**10.30 PAGI**

**CYBERVIEW RESORT & SPA, CYBERJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim

(SALUTASI)

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua maka kita dapat berkumpul di dewan ini pada pagi yang penuh keberkatan bagi bersama-sama meraikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2023, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air.
2. Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis pada hari ini. Saya amat berbesar hati untuk sama-sama menyempurnakan majlis APC PETRA bagi meraikan seramai **159 orang** warga Kementerian dan Jabatan yang telah memberikan sumbangan dan menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2023.
3. Majlis pada hari ini merupakan simbolik ucapan penghargaan dan pengiktirafan kepada warga PETRA yang telah menyumbang perkhidmatan yang bermutu tinggi di samping penglibatan aktif di luar tugas rasmi antaranya kegiatan sukan, kemasyarakatan, persatuan

serta sumbangan-sumbangan lain yang memberi manfaat kepada komuniti, organisasi dan negara. Penganugerahan seperti APC ini merupakan satu manifestasi keprihatinan Kerajaan terhadap modal insan berkualiti, dinamik dan berprestasi tinggi yang unggul dalam mencapai ekspektasi yang telah ditetapkan.

## **PENGHARGAAN KERAJAAN KEPADA PENJAWAT AWAM**

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Kerajaan Perpaduan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa memberi perhatian kepada kebajikan penjawat awam yang merupakan tulang belakang kepada Negara. Selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 di bawah Bab 13, Bidang Keutamaan A iaitu “Membangunkan Perkhidmatan Awam yang Berprestasi Tinggi”, Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) telah dilaksanakan dengan memberi fokus kepada pengurusan sumber manusia ke arah perkhidmatan awam yang moden. Kajian ini juga memberi keutamaan kepada pendigitalan serta mengambil kira perubahan persekitaran merangkumi ekosistem baharu, peningkatan kemahiran pekerja (*multitasking / multiskilling*) dan fleksibiliti dalam cara atau lokasi bekerja.

5. Pelaksanaan SSPA merupakan inisiatif pembaharuan dalam perkhidmatan awam seiring dengan aspirasi Membangun Malaysia MADANI. Sama-sama kita nantikan pelaksanaan SSPA yang akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sempena Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) pada 16 Ogos 2024 nanti.

6. Dasar dan inisiatif Kerajaan berkaitan pengurusan dan pembangunan modal insan yang dilaksanakan ini bertujuan untuk **memelihara kebajikan penjawat awam** di samping menjadi **pemangkin kecemerlangan** serta motivasi kepada **perkhidmatan awam** untuk **memberikan perkhidmatan yang unggul dan cemerlang**. Untuk itu, adalah menjadi harapan Kerajaan supaya penjawat awam menerapkan budaya teknologi digital dan menguasai kecerdasan buatan kerana jika tidak dikuasai, nilai dan moral dalam teknologi tersebut akan ditentukan oleh pihak-pihak yang menguasai terutamanya barat. Keduanya, prestasi dan integriti penjawat awam haruslah ditingkatkan supaya ianya setimpal dengan pengiktirafan dan keyakinan yang diberikan oleh Kerajaan. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat memikul amanah ini sebaik mungkin bagi mendukung dan merealisasikan visi PETRA sebagai peneraju tadbir urus bekalan elektrik dan air yang mampan serta inklusif.

### **WARGA PETRA CEMERLANG**

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan yang telah terbukti cemerlang akan menjadi penyuntik semangat kepada warga PETRA yang lain, untuk terus berkhidmat dengan penuh dedikasi ke arah memastikan PETRA terus dinamik selari dengan perkembangan teknologi dan keperluan perubahan semasa. Daripada Aisyah Radiullahu Anha, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

***“Sesungguhnya Allah Azza wa Jalla mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu kerja, dia laksanakan dengan cemerlang.”***

8. Kombinasi kemahiran, sikap dan tingkah laku akan membentuk tuan-tuan dan puan-puan sebagai individu yang kekal cemerlang. Saya menyeru supaya warga PETRA menguasai bidang tugas masing-masing dengan menghayati tanggungjawab dan peranan yang perlu dimainkan, meningkatkan penguasaan pengetahuan dan kemahiran berkaitan bidang tugas dan sentiasa mengikuti perkembangan semasa industri serta mencontohi amalan terbaik, bagi memastikan tugas yang dilaksanakan kekal relevan mengikut keperluan semasa. Pendekatan, pengetahuan dan kemahiran baharu akan membawa kita kepada suatu perspektif dan hasil yang berbeza dan bukannya kekal dengan kaedah yang lama tetapi mengharapkan hasil yang luar biasa.

9. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Majlis Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam pada 7 November 2023, telah mengumumkan peruntukan sehingga RM40 juta, bagi melatih dan memberi pendedahan kepada penjawat awam dalam bidang baharu. Ini bertujuan untuk membangunkan kepakaran dalaman, mengurangkan kebergantungan terhadap konsultan luar yang melibatkan kos tinggi bagi sesuatu kajian atau perancangan, memberi pendedahan yang bermakna kepada pegawai untuk mempelajari bidang-bidang baharu bagi tujuan pembangunan negara serta mengoptimumkan peruntukan Kerajaan. Bidang baharu yang menjadi fokus adalah kecerdasan buatan, peralihan tenaga, transformasi digital, pertanian dan teknologi makanan, keselamatan siber, pengurusan bencana dan persempadanan negara.

10. Oleh itu, saya menyeru kepada semua warga PETRA supaya memanfaatkan peluang yang telah disediakan oleh Kerajaan ini untuk meningkatkan kompetensi diri dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan nilai tambah dan produktiviti perkhidmatan awam.

## **PENCAPAIAN PETRA**

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

11. Sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab kepada keperluan asas rakyat, adalah menjadi kewajipan kita semua untuk mempunyai sikap boleh dipercayai dengan memenuhi komitmen yang telah dijanjikan. Kepercayaan dan pandangan positif rakyat terhadap PETRA juga boleh ditingkatkan melalui warga kerja yang menzahirkan etika kerja yang utuh dengan mengamalkan sikap proaktif, bermotivasi dan rajin serta mengambil inisiatif untuk menyelesaikan masalah.

12. PETRA melalui Jabatan dan Agensi di bawahnya telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif bagi memastikan kesejahteraan rakyat terus terjamin. *Program Sustainability Achieved via Energy Efficiency (SAVE 4.0)* antaranya, menyediakan pemberian e-rebat sehingga RM400 kepada pengguna untuk pembelian penyaman udara dan peti sejuk cekap tenaga berlabel 4 atau 5 bintang yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga. Pelaksanaan Program SAVE 4.0 ini bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai pengguna elektrik memilih dan membeli peralatan cekap tenaga, sekaligus menyumbang kepada penjimatan penggunaan tenaga yang dianggarkan sebanyak 190.93 Gigawatt jam

(GWj) iaitu bersamaan dengan penjimatan kos tenaga sebanyak RM75.32 juta dan 111,000 tan karbon dioksida setahun.

13. Manakala Program Rebat Bil Elektrik RM40 pula merupakan inisiatif bagi memastikan pengguna domestik terus dilindungi melalui pelaksanaan subsidi elektrik secara bersasar. Sehingga Jun 2024, seramai 56,513 Ketua Isi Rumah berstatus miskin tegar yang berdaftar dan disahkan dalam sistem eKasih telah menerima manfaat untuk pembiayaan rebat bil elektrik bulanan sehingga maksimum RM40.

14. Selain itu, pengguna-pengguna komersial dan industri mengalami penurunan kadar surcaj *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) sebanyak 1 sen/kWj bagi tempoh Julai hingga Disember 2024. Penurunan kadar surcaj ICPT diharap dapat mengekalkan kestabilan harga barangan di pasaran serta menggalakkan pelaburan di Malaysia dan memberi impak ke arah merancakkan ekonomi negara. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga turut mendapat manfaat daripada penurunan surcaj sebanyak 1 sen/kWj kepada kategori lampu jalan (tarif G dan G1) di bawah seliaan PBT supaya perkhidmatan pencahayaan yang menyeluruh di kawasan awam dapat dibekalkan.

15. Pelbagai lagi inisiatif yang memberi kesan secara langsung kepada kumpulan sasaran dan rakyat Malaysia secara umumnya, yang mana ianya dapat direalisasikan atas sumbangan khidmat bakti warga PETRA. Semarakkanlah semangat dan iltizam tuan-tuan dan puan-puan untuk terus meningkatkan penyampaian perkhidmatan, sekaligus memenuhi ekspektasi pemegang taruh dan juga rakyat.

## PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan syabas dan tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang PETRA bagi tahun 2023. Marilah kita mulakan dengan diri sendiri untuk membudayakan nilai kecemerlangan, meneroka ilmu pengetahuan dan membina potensi diri yang luar biasa dalam membentuk budaya organisasi yang boleh dicontohi.

17. Jadilah seperti padi, semakin tunduk semakin berisi, semakin berilmu, semakin merendahkan diri. Jangan jadi seperti lalang, makin lama makin tinggi. Akarnya mencengkam bumi, liuk lentuknya menyakitkan hati. Marilah kita bersama-sama mengambil iktibar daripada firman Allah SWT di dalam Surah al-Qasas, ayat 26 yang bermaksud:

***“Sesungguhnya sebaik-baik orang yang diambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah.”***

18. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus dalam membuat persiapan bagi penganjuran majlis pada hari ini. Semoga PETRA terus cemerlang sebagai peneraju tadbir urus bekalan elektrik dan air yang mampan serta inklusif demi menjamin kesejahteraan rakyat dan negara.



Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.